

# Kencing tikus boleh bawa maut

Sinar hari  
25/8/20  
mls 3

Kesan bahaya virus leptospirosis sama dengan virus denggi

**SHAHALAM** - Rakyat negeri Selangor diminta lebih peka dan berhati-hati terhadap virus kencing tikus kerana kesannya sama bahaya dengan virus denggi dan boleh membawa maut.

Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita Dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi berkata, pengurusan sampah yang tidak betul antara punca utama virus itu merebak.

"Virus ini sama bahaya dengan demam denggi dan jika antibodi seseorang itu tidak kuat, ia boleh membawa maut.

"Tetapi kes kencing tikus tidaklah seteruk seperti kes denggi di Selangor. Ia masih lagi boleh dikawal. Cuna buat masa



**DR DAROYAH**

ini, saya tidak boleh lagi memberi data atau statistik dengan lebih terperinci kerana ia perlu melalui Jabatan Kesihatan terlebih dahulu," katanya kepada Sinar Harian.

Bagaimanapun, pihaknya dengan kerjasama pihak ber-

kuasa tempatan (PBT) telah memasang papan tanda khas terutama di kawasan peranginan dan perkelahan supaya pengunjung lebih berhati-hati.

"Virus ini mudah merebak melalui air dan sebab itu pesakit yang baru pulang dari kawasan perkelahan mudah dijangkiti virus ini," katanya.

Beliau turut memberi peringatan supaya masyarakat menjaga alam sekitar dan memastikan pengurusan sampah diurus dengan baik.

"Segala penyakit yang menyerang bermula dari kebersihan terutama penyakit kencing tikus dan denggi. Jika kebersihan dapat dijaga dengan sempurna, pasti perkara ini dapat diatasi," katanya.

**KISAH** Wan Aini Wan Ibrahim, 21 tahun yang kini menjalani hidup sebagai insan istimewa sangat menyentuh hati.

Gadis ini mulanya hanya demam biasa selama dua hari, tidak mendapatkan rawatan doktor kerana menganggap ia tidak serius.

Disebabkan demamnya tidak kebah, Wan Aini dibawa rakannya ke Klinik Desa Tanjung Malim untuk rawatan dan pada peringkat awal, disyaki menghidap demam denggi berdarah.

Setelah demam semakin teruk, dia dirujuk ke Hospital Slim River dan semasa di hospital itu, Wan Aini koma selama kira-kira 17 hari.

Dalam tempoh itu juga, kedua belah kaki dan tangan kiri serta dua jari kanannya mula mengalami gangren (sel darah mati).

**KES 1: TAHUN 2010**

Disebabkan keadaannya serius, Wan Aini dipindahkan ke Hospital Sungai Buloh.

Doktor menasihatinya menjalani pembedahan untuk memotong bahagian yang mengalami gangren.

Ketika itu, berdasarkan maklumat yang ditulis doktor pada satu dokumen, dia menghidap virus kencing tikus (leptospirosis).

Wan Aini pasrah dengan ketentuan Ilahi. Walaupun awalnya merasa sukar untuk menerima hakikat, dia yakin ada hikmah yang tersembunyi.

Nasihat dan semangat yang diberikan ibu bapa, kakak, adik-beradik dan rakan-rakan menjadi dorongan gadis ini bangkit meneruskan kehidupan.

## Spekulasi kematian Din Beramboi

**PADA** 30 Mac 2010, negara digemparkan dengan berita

Din Beramboi dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Selayang. Laporan awal mengatakan beliau menghidap penyakit kencing tikus, tetapi sehari berikutnya, Din disahkan menghidap sindrom

**KES 2: TAHUN 2010**

kejutan denggi. Hati dan buah pinggangnya gagal berfungsi.

Allahyarham meninggal dunia pada 2 April 2010. Pelbagai teori muncul apatah lagi Din jatuh sakit beberapa hari selepas dia menjalani penggambaran di Zoo Negara.



**DIN BERAMBOI**

## Izwan Pilus meninggal dunia

**DUNIA** seni tanahair dikejutkan dengan kematian seorang artis akibat jangkitan kencing tikus pada Januari 2012.

**KES 3: TAHUN 2012**

Penyanyi, Izwan Pilus meninggal dunia di Hospital Ampang kira-kira 6.15 petang. Allahyarham mengadu sesak nafas sebelum dimasukkan ke hospital pada 12.30 tengah malam dan semakin kritikal selepas itu.